DEZOR SHAMPOO

(Ketoconazole 2% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *DEZOR SHAMPOO*
2. Bagaimana *DEZOR SHAMPOO* berfungsi
3. Sebelum mengambil *DEZOR SHAMPOO*
4. Cara menggunakan *DEZOR SHAMPOO*
5. Semasa menggunakan *DEZOR SHAMPOO*
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *DEZOR SHAMPOO*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang *DEZOR SHAMPOO*. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil *DEZOR SHAMPOO* berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan *DEZOR SHAMPOO*

DEZOR SHAMPOO mengandungi ubat yang dipanggil *Ketoconazole*. Ubat ini tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil "anti-kulat." Ia ditandakan untuk rawatan dan mencegah jangkitan yis *Malassezia* pada kulit dan mengakibatkan *Pityriasis versicolor* (panau), *Seborrhoeic dermatitis (kulit berkeping)* dan *Pityriasis capitis* (kelemumur).

Bagaimana *DEZOR SHAMPOO* berfungsi

DEZOR SHAMPOO berfungsi dengan menghalang pertumbuhan kulat dan yis. Ia juga melegakan penggelupasan dan rasa gatal.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum mengambil *DEZOR SHAMPOO*

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil *DEZOR SHAMPOO* sekiranya anda hipersensitif terhadap:

- ubat yang mengandungi *Ketoconazole.*
- ubat-ubat antifungal lain yang mempunyai struktur kimia yang sama.
- bahan-bahan kandungan yang tersenarai pada hujung risalah ini.

-Sebelum mula mengambil

Penjagaan khas diperlukan untuk *DEZOR SHAMPOO*:

- Jangan gunakan untuk kanak-kanak di bawah usia dua tahun, kecuali jika diarahkan dan diselia oleh doktor.

Kehamilan dan penyusuan badan:

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat-ubatan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain termasuk produk bukan preskripsi.

Sesetengah ubat dan *DEZOR SHAMPOO* boleh mengganggu satu sama lain. *DEZOR SHAMPOO* mungkin boleh meningkatkan kesan sedatif sesetengah ubat. Ini termasuk:

- *Rifampicin*
- *Phenytoin*

Cara menggunakan *DEZOR SHAMPOO*

-Berapa banyak harus digunakan

Cuci rambut dan kulit kepala atau kulit sehingga bersih dengan *DEZOR SHAMPOO* selama 3-5 minit, kemudian bilas bersih

Rawatan

Panau: sekali setiap hari selama 5 hari
Kulit berkeping dan kelemumur: dua kali seminggu selama 3 hingga 4 minggu

Penjagaan

Panau: sekali sehari selama 3 hari semasa satu rawatan dan sebelum terdedah kepada cahaya matahari.
Kulit berkeping dan kelemumur: Sekali setiap 1 atau 2 minggu.

-Bila perlu digunakan

Rawatan harus dimulakan secepat mungkin selepas jangkitan pertama.

-Berapa lama perlu digunakan

Jika kawasan yang terjejas masih tidak sembuh selepas tempoh rawatan, penggunaan *DEZOR SHAMPOO* harus berhenti dengan segera dan beritahu doktor anda.
Jika keadaan menjadi lebih teruk atau tidak bertambah baik selepas penggunaan produk ini seperti yang diarahkan, dapatkan nasihat doktor.

-Jika terlupa menggunakan

Gunakan ia sebaik sahaja anda ingat. Kemudian kembali ke jadual biasa anda. Jika ia adalah mengenai masa untuk dos seterusnya, gunakan hanya 1 dos, dan terus dengan jadual biasa anda. Jangan menggunakan tambahan dos bagi dos yang tertinggal. Jika anda terlepas beberapa dos, beritahu doktor anda.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Berbincang dengan doktor anda atau pergi ke hospital secepat mungkin.

Semasa menggunakan *DEZOR SHAMPOO*

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil *DEZOR SHAMPOO*

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan syampu di bahagian mata kerana boleh menyebabkan kerengsaan pada kulit.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Perhatian khusus perlu diambil untuk mengelakkan penggunaan dengan tidak sengaja ke dalam mata.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, *DEZOR SHAMPOO* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mendapat kesan sampingan. Seperti semua ubat-ubatan, beberapa orang mungkin alah terhadap syampu.

Berhenti mengambil ubat jika anda mengalami:

- Tanda-tanda jangkitan kulit seperti kegatalan atau sakit, akan bertambah baik dalam tempoh beberapa hari selepas rawatan walaupun tanda-tanda seperti kemerahan dan bersisik boleh mengambil masa yang lama untuk dihilangkan. Jika gejala berterusan atau anda tidak menjadi sihat selepas 7 hari, sila jumpa dengan doktor anda.
- Kulit kemerahan *(Erythema)* atau kering dan mengelupas telah dilaporkan dalam sebahagian kecil pesakit.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines* (*ConSERF*) *or Vaccines* (*AEFI*)).

Cara penyimpanan dan pelupusan *DEZOR SHAMPOO*

-Penyimpanan
Simpan pada suhu kurang daripada 30°C. Untuk kegunaan luaran sahaja. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

-Pelupusan
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna
DEZOR SHAMPOO adalah syampu cecair likat yang berwarna merah dengan sesuatu bau dalam botol plastik 60ml dan 120ml.

-Bahan-bahan kandungan
-Bahan aktif**:**
Ketoconazole.

-Bahan-bahan tidak aktif:
Potassium Sorbate, Sodium Laureth Sulphate, Simethicone Emulsion 30%, PEG-40 Hydrogenated Castor Oil, D-Panthenol, Cocamide DEA, PEG-120 Methyl Glucose Dioleate, Hydrochloric Acid 37%, Pansee Bleue Parfum RSTT5, Ponceau 4R, Sodium Hydroxide dan *Purified Water.*

-Nombor MAL **:**
MAL19987002AZ

Pengilang:

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Baru Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Baru Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Tarikh kemaskini RiMUP :
20/08/2025

Nombor Siri:
NPRA(R4/1)200219/00045